

Ringgit luar pesisir bukan rujukan sah

➔ Urus niaga perlu berasaskan kadar tukaran domestik: Bank Negara

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Shahrizan Salian
bhbiz@bh.com.my

Pasaran ringgit luar pesisir, seperti kontrak hadapan tidak boleh diserahkan (NDF) yang menjadi punca utama berlaku kekeliruan nilai tukaran wang tempatan pada akhir minggu lalu, bukan rujukan sah dan tepat.

Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Adnan Zaylani Mohamad Zahid, berkata BNM tidak mengiktiraf pasaran

ringgit luar pesisir seperti NDF yang wujud secara bersendirian.

Rujuk kadar tukaran domestik
Susulan itu, beliau menegaskan, semua urus niaga berkaitan ringgit perlu dirujuk pada kadar tukaran domestik seperti kadar spot dan kontrak hadapan ringgit domestik.

"Kami mahu memberitahu pasaran supaya tidak mengendahkan sama sekali dengan apa yang berlaku di pasaran luar pesisir seperti NDF. Ia boleh melonjak

terlalu tinggi (berbanding ringgit domestik) dan menjunam terlalu rendah.

"Ia terbukti seperti yang terjadi pada pagi Jumaat lalu apabila ringgit di pasaran berkenaan pada suatu ketika diniagakan serendah RM4.56 bagi satu dolar (sedangkan kadar tukaran spot ringgit di dalam negara ketika itu adalah sekitar RM4.34 sedolar)," kata beliau pada taklimat khas mengenai perkara berkenaan di ibu pejabat BNM di Kuala Lumpur, semalam. ➔ **Lihat Ms.B2**

Info

Perbandingan pasaran ringgit luar pesisir dan domestik



Item	Luar pesisir	Dalam pesisir
Jumlah purata harian	AS\$3.5billion (Sumber DTCC) AS\$12billion (Sumber BIS Trennial survey)	AS\$8.1billion
Produk dagangan	➔ NDF ➔ FIX + mata	➔ Spot ➔ Hadapan
Peserta pasaran	➔ Perangka pasaran bukan residen (bank global) ➔ Pelabur institusi bukan residen ➔ Dana lindung nilai bukan residen ➔ Syarikat bukan residen	➔ Institusi kewangan domestik ➔ Bank bukan residen ➔ Pelabur institusi bukan residen ➔ Syarikat bukan residen ➔ Syarikat domestik
Jam urusaniaga	➔ 24 jam	➔ KL 8 am – 6 pm
Pusat dagangan	➔ Singapura, London, Hong Kong ➔ Lain-lain New York	➔ Kuala Lumpur



Kami mahu memberitahu pasaran supaya tidak mengendahkan sama sekali dengan apa yang berlaku di pasaran luar pesisir seperti NDF"

Adnan Zaylani Mohamad Zahid,
Penolong Gabenor BNM